Memperkukuh Infrastruktur yang Membolehkan Pembangunan PKS

PKS memerlukan persekitaran yang mesra perniagaan untuk berkembang dan membangun. Menyedari hakikat ini, salah satu daripada keutamaan strategik Kerajaan ditumpukan kepada membangunkan dan memperkukuh infrastruktur yang diperlukan untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan perkembangan PKS dan usahawan.

Pencapaian penting dalam usaha pembangunan PKS ialah penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Majlis ini berperanan untuk menyediakan hala tuju strategik dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan pembangunan PKS. Ini bagi memastikan pendekatan yang lebih terselaras dan bersepadu dalam menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan. Akhirnya, ini akan memastikan dasar dan program dirumus dengan baik dan dilaksanakan dengan berkesan untuk manfaat PKS.

Untuk mencapai tujuan ini, Majlis telah melaksanakan beberapa inisiatif utama untuk mewujudkan infrastruktur yang sesuai untuk pembangunan PKS.

Definisi PKS yang Sama untuk Pembangunan yang Disasarkan[1]

Tidak ada definisi yang standard untuk PKS sebelum penubuhan MPPK. Setiap agensi mempunyai definisi PKS berdasarkan kriteria mereka sendiri, yang lazimnya diukur berdasarkan jumlah jualan tahunan, bilangan pekerja sepenuh masa dan/atau dana pemegang saham. Contohnya, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) mentakrifkan PKS sebagai perusahaan dengan jumlah jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta dan bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Bank Negara Malaysia pula mendefinisikan PKS sebagai perusahaan yang mempunyai dana pemegang saham yang kurang daripada RM10 juta.

Ketiadaan definisi yang standard telah menghalang pengumpulan dan penyusunan data PKS untuk penilaian keperluan pembangunan dan prestasi perniagaan dalam semua sektor ekonomi.

Untuk membantu mengenal pasti PKS dalam semua sektor ekonomi secara lebih baik dan bagi penentuan sasaran PKS secara lebih efektif dari segi perumusan dasar dan program, Majlis telah memperkenalkan definisi PKS dalam sektor perkilangan, perkhidmatan berkaitan perkilangan, pertanian asas dan perkhidmatan pada tahun 2005.

Dengan adanya asas yang sama untuk mendefinisikan PKS, ini akan memudahkan pengenalpastian PKS dalam pelbagai sektor dan subsektor, dan akan membolehkan penentuan sasaran PKS secara lebih efektif dari segi perumusan dasar pembangunan dan program sokongan masa hadapan serta menyediakan bantuan teknikal dan kewangan. Kriteria yang digunakan dalam mendefinisikan PKS ialah berdasarkan jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja PKS. Satu definisi umum juga disediakan seiring dengan definisi khusus bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Untuk rangkuman yang lebih luas, perusahaan perniagaan dianggap sebagai PKS selagi ia memenuhi had yang ditetapkan bagi jumlah jualan tahunan atau dari segi bilangan pekerja sepenuh masa.

[1] Garis panduan mengenai "Definisi PKS di Malaysia" telah dikeluarkan oleh Sekretariat, Bank Negara Malaysia pada 13 September 2005 untuk diedarkan kepada Kementerian dan Agensi serta institusi kewangan.

Definisi PKS yang Diluluskan Berdasarkan Jumlah Jualan Tahunan

Saiz	Pertanian Asas	Perkilangan (termasuk Asas Tani) & Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM200,000
Kecil	Antara RM200,000 hingga kurang daripada RM1 juta	Antara RM250,000 hingga kurang daripada RM10 juta	Antara RM200,000 hingga kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Antara RM1 juta hingga RM5 juta	Antara RM10 juta hingga RM25 juta	Antara RM1 juta hingga RM5 juta
PKS	Tidak melebihi RM5 juta	Tidak melebihi RM25 juta	Tidak melebihi RM5 juta

Definisi PKS yang Diluluskan Berdasarkan Bilangan Pekerja Sepenuh Masa

Saiz	Pertanian Asas	Perkilangan (termasuk Asas Tani) & Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja
Kecil	Antara 5 hingga 19 orang pekerja	Antara 5 hingga 50 orang pekerja	Antara 5 hingga 19 orang pekerja
Sederhana	Antara 20 hingga 50 orang pekerja	Antara 51 hingga 150 orang pekerja	Antara 20 hingga 50 orang pekerja
PKS	Tidak melebihi 50 orang pekerja	Tidak melebihi 50 orang pekerja	Tidak melebihi 50 orang pekerja

Ketersediaan maklumat yang relevan dan terkini mengenai PKS, termasuk keadaan operasi, kedudukan kewangan dan keperluan pembangunan adalah penting untuk membantu perumusan dasar yang lebih baik dalam menggalakkan pembangunan PKS.

Penubuhan Pangkalan Data PKS Kebangsaan yang Menyeluruh

Sebelum ini, tiada pangkalan data berpusat yang mengumpulkan dan menyebarkan maklumat yang menyeluruh mengenai PKS. Data mengenai PKS terhad kepada PKS dalam sektor perkilangan dan PKS yang mengemukakan maklumat secara sukarela kepada agensi yang berkenaan. Oleh yang demikian, sukar untuk mengukur tahap pembangunan PKS serta kedudukan kewangan dan keperluan mereka pada masa ini, yang kesemuanya merupakan input yang kritikal dalam perumusan dasar yang efektif untuk membantu PKS.

Adalah diakui bahawa ketersediaan maklumat yang relevan dan terkini mengenai PKS, termasuk keadaan operasi, kedudukan kewangan dan keperluan pembangunan adalah penting untuk membantu perumusan dasar yang lebih baik dalam menggalakkan pembangunan PKS. Oleh itu, Majlis telah meluluskan penubuhan sebuah Pangkalan Data PKS Kebangsaan yang menyeluruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pangkalan data ini akan menyediakan maklumat yang relevan dan terkini kepada penggubal dasar untuk memantau perkembangan dalam sektor PKS, termasuk keadaan operasi, kedudukan kewangan dan keperluan pembangunan mereka.

Fasa pertama penubuhan pangkalan data telah melibatkan banci oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ke seluruh negara yang meliputi semua pertubuhan dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan pada bulan Mac 2005. Maklumat yang dikumpul daripada banci itu akan menjadi data asas dalam penubuhan Pangkalan Data PKS Kebangsaan. Banci ini telah disempurnakan pada bulan Mac 2006 dan dapatan banci ini diperbincangkan secara terperinci dalam Bab 2 dan Bab 6 Laporan ini.

Rangka Kerja Perumusan Dasar dan Penilaian PKS

Memandangkan banyak program PKS yang dijalankan oleh pelbagai Kementerian dan agensi, adalah penting untuk memastikan program-program ini adalah komprehensif dan pelaksanaannya terselaras dan efektif. Untuk mencapai hasrat ini, Rangka Kerja Perumusan Dasar dan Penilaian PKS telah diterima pakai untuk meningkatkan keberkesanan semua dasar dan program PKS Kerajaan, di samping memantau pelaksanaan dan hasil program-program ini.

Rangka kerja ini melibatkan pengenalpastian keutamaan strategik umum dan sasaran bagi pembangunan PKS, serta pembentukan penunjuk prestasi utama yang menyeluruh untuk memantau dan menilai keberkesanan program pembangunan PKS oleh semua Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS.

Ini telah menghasilkan perumusan dan pengesahan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 (Rangka Tindakan 2006). Rangka Tindakan 2006 ini menyediakan pernyataan yang jelas mengenai tujuan strategik, fokus dan program utama Kerajaan untuk PKS. Selain itu, ia juga menyediakan rancangan untuk menilai keberkesanan program Kerajaan untuk PKS setiap tahun.

Maklumat terperinci mengenai Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 terkandung dalam Bab 7 Laporan ini.